



1. JAWATAN	: PEGAWAI IMIGRESEN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAAN KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: EMPAT (4)

#### KELAYAKAN MINIMUM:

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.

#### ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Imigresen atau jawatan sebanding dalam Bahagian IV tidak kurang dari 7 tahun.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI IMIGRESEN KANAN:

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan terhadap perkara yang berhubungkait dengan tugas-tugas yang diamanahkan termasuklah arahan-arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.
2. Bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Imigresen yang mengetuai pos-pos kawalan atau bahagian-bahagian di mana ia ditugaskan.
3. Membantu Ketua Pegawai Imigresen dalam membuat perancangan bagi perkembangan sesuatu pos-pos kawalan atau bahagian yang diamanahkan.



4. Bertanggungjawab terhadap pentadbiran Pegawai-Pegawai di bawah jagaan masing-masing jika ditugaskan di Pos Kawalan untuk mengetuai sesuatu bahagian (ketua shift).
5. Memastikan Pegawai-Pegawai yang berada di bawah jagaan melaksanakan arahan-arahan yang diterima dari pihak Pengarah dan Pegawai-Pegawai atasan yang lain.
6. Memastikan setiap kerja yang diamanahkan dapat diselesaikan dengan sempurna oleh Pegawai-Pegawai di bawah bahagian masing-masing.
7. Bertanggungjawab terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pos kawalan termasuklah dalam hal yang berkaitan dengan kakitangan, pemeliharaan bangunan dan harta benda yang ada jika diamanahkan untuk mengetuai pos kawalan.